

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN (JULAU)**

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN (JULAU) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkukuhkan lagi sempadan negara di Sarawak dalam kerangka menghadapi pemindahan Ibu Negara Indonesia ke Kalimantan Timur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi memperkukuhkan lagi sempadan negara termasuk di Sarawak dalam kerangka bagi menghadapi pemindahan Ibu Negara Indonesia ke Kalimantan Timur.

Penugasan kawalan keselamatan sempadan di Sarawak dipertanggungjawabkan kepada PDRM melalui Pasukan Gerakan AM (PGA) Briged Sarawak yang terdiri daripada 3 Batalion utama iaitu Batalion 10 Sibu, Batalion 11 Batu Kawa, Kuching dan Batalion 12 Miri. Jumlah kekuatan Briged Sarawak adalah 2,248 anggota. Seramai 534 anggota dari jumlah tersebut ditugaskan di 11 pos kawalan sepanjang sempadan Malaysia dan Kalimantan (Indonesia). Penugasan sempadan turut dijalankan secara bersama antara PGA, PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa ini, kawalan keselamatan sempadan telah dipertingkatkan dengan pelaksanaan Ops Benteng. Kekekapan bagi rondaan berkenderaan juga telah dipertingkatkan di beberapa lokasi yang telah dikenalpasti dan sektor tanggungjawab turut diperluaskan dengan penambahan beberapa pos sementara tidak statik. Kerjasama ini adalah sangat penting bagi jangkamasa panjang dalam menghadapi pemindahan Ibu Negara Indonesia ke Kalimantan.

Hubungan diplomasi strategik antara Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Polisi Republik Indonesia (POLRI) turut dipertingkatkan bagi mengenal pasti lokasi-lokasi yang berisiko tinggi berlakunya kegiatan penyeludupan melibatkan kedua-dua negara. Kaedah yang lebih efektif dan efisien dalam mempertingkatkan kawalan keselamatan sempadan bagi menghadapi pemindahan Ibu Negara Indonesia ke Kalimantan Timur turut diberikan perhatian.